



### **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

#### **Buku Enrique Melaka: Melayu Pertama Mengelilingi Dunia**

Adakah anda mengenali orang Melayu pertama mengelilingi dunia? Ingin menyelami dunia pelayaran ke serata dunia?

Sebuah lagi karya jenis fiksyen yang bergenre novel sejarah akan diterbitkan oleh PTS Media Group, iaitu Enrique Melaka: Melayu Pertama Mengelilingi Dunia oleh Abdul Latip. Beliau seorang penulis Sejarah Islam yang tidak perlu diperkenalkan lagi. Penulis kelahiran Negeri Sembilan ini mencipta nama di persada sastera tanah air apabila menghasilkan novel sejarah pertama di Malaysia. Antara novel hasil tulisan beliau adalah *Salahudin Ayubi, Khalid Al-Walid, Ikramah, Abu Jahal, Tariq Ziyad, Hulagu Khan, Maharaja Napoleon, Ahmad Ammar*, dan banyak lagi.

Penulis membuat kajian mengenai kisah hidup Enrique yang penuh dengan cabaran dan pelayaran yang mencabar pasti membuat pembaca kagum dengan jalan penceritaan ini. Malah, penulis ini turut ke Pulau Cebu Filipina dan Goa India untuk menjejak kisah Enrique Melaka.

Bagi penggemar buku sejarah, buku ini pasti menjadi pilihan anda. Kisah benar yang menyelusuri dunia pelayaran pada era zaman Kesultanan Melayu Melaka dan memaparkan semangat seorang anak Melayu yang boleh dicontohi oleh pembaca. Ingin lebih mengenali siapa Enrique dan kisahnya dalam menempuh dunia pelayaran? Dapatkan buku ini sekarang.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my